

A **CMI-CONSTRUCTION MATERIAL  
INDUSTRY SDN BHD**

**Iwn.**

B **SEABANC GE CAPITAL SDN BHD**  
MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM  
MARIANA YAHYA PK  
[RAYUAN SIVIL NO: MT1-12-641-2004]  
4 JULAI 2007

C **PROSEDUR SIVIL:** *Tiada kes untuk dijawab - Kaedah prosidur - Sama ada hakim mahkamah sesyen boleh membuat 'ruling' tanpa memberi pilihan kepada responden - Sama ada hakim mahkamah sesyen khilaf - Sama ada prosiding cacat dan boleh membawa kemudharatan kepada perayu - Sama ada perintah oleh hakim mahkamah sesyen diketepikan*

D Perayu merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang memutuskan atas imbalan kebarangkalian telah menolak tuntutan perayu dengan kos selepas responden mengemukakan penghujahan tiada kes untuk dijawab di akhir kes plaintif. Atas tuntutan perayu bahawa responden pertama telah dengan cuai membayar kepada responden kedua sejumlah RM87,000 baki harga pembelian mesin Horizontal Paddle Mixer Discharge Hopper Cum Screw Feeder And Platform ('mesin tersebut') tanpa memastikan bahawa perayu telah menerima mesin tersebut daripada responden kedua. Fakta yang tidak dipertikaikan bahawa perayu membuat permohonan pinjaman kewangan kepada responden pertama sebagai syarikat kewangan berlesen untuk membiayai pembelian mesin tersebut oleh perayu daripada responden kedua. Pembiayaan pinjaman ini dibuat melalui kaedah sewabeli. Responden pertama di akhir kes perayu telah mengemukakan hujahan tiada kes untuk dijawab atas asas perayu secara undang-undang telah gagal membuktikan kecuaian responden pertama di dalam melepaskan bayaran kepada responden kedua. Responden tidak pada bila-bila masa menutup kes pembelaannya tanpa mengemukakan keterangan.

**Diputuskan (membenarkan rayuan):**

I (1) Peguam responden pertama telah menyatakan tidak akan memanggil saksi dan terus menyatakan akan berhujah tiada kes untuk dijawab. Mahkamah tidak boleh membuat anggapan bahawa pada peringkat ini responden pertama tidak akan

- memanggil saksi dan menutup kesnya atau tidak akan mengemukakan sebarang keterangan jika tidak ditanya oleh pihak mahkamah. Hakim mahkamah sesyen sepatutnya mengemukakan pilihan kepada peguam responden pertama iaitu jika beliau tidak memanggil sebarang keterangan maka beliau akan kekal berpendirian atau jatuh berdasarkan keterangan beliau. Kaedah prosidur ini merupakan satu keadilan yang penting dan bukannya hanya suatu formaliti. Kaedah ini telah tidak diikuti. (perenggan 5) A
- (2) Mahkamah tidak berpeluang untuk menimbang keseluruhan keterangan yang ada tanpa mempunyai sebarang keterangan daripada responden pertama yang mana keterangan tersebut boleh dibuat dan diperolehi di peringkat hakim bicara. Rumusan yang dibuat oleh hakim bicara atas fungsi responden pertama sebagai ‘financier for loan’ sahaja adalah tidak kukuh tanpa melihat sebarang keterangan sokongan akan tanggungjawab ‘financier’ (responden pertama) itu yang sebenarnya sama ada di dalam bentuk dokumen atau secara lisan. Hakim mahkamah sesyen tidak sepatutnya membuat ‘ruling’ mengenai penghujahan tiada kes untuk dijawab tanpa terlebih dahulu memberi pilihan kepada responden pertama untuk berbuat demikian. (perenggan 15 & 16) B
- (3) Hakim sesyen juga telah khilaf apabila membenarkan hujahan responden pertama atas penghujahan tiada kes untuk dijawab tanpa memberi pilihan sama ada responden pertama akan mengemukakan keterangan atau tidak. Ianya hanya apabila responden pertama membuat pilihan untuk tidak mengemukakan sebarang keterangan barulah hakim mahkamah sesyen membuat keputusan atas penghujahan responden pertama tersebut sama ada hujahan itu boleh berdiri dengan sendirinya atau jatuh tanpa keterangan. Oleh itu prosiding di hadapannya adalah cacat yang boleh membawa kemudharatan yang besar kepada perayu. (perenggan 17) C
- (4) Mahkamah ini dihalang daripada melaksanakan kuasa-kuasa mendengar semula dan tidak mempunyai pilihan bahawa perintah yang dibuat oleh hakim sesyen diketepikan dan memerintahkan kes ini dikembalikan untuk perbicaraan semula di peringkat kes pembelaan. Rayuan perayu dibenarkan dengan kos setakat pada perkara ‘hujahan tiada kes untuk dijawab.’ (perenggan 19) D
- E
- F
- G
- H
- I

- A Kes-kes yang dirujuk:**  
*Chung Hwa Ying v. Phang Mun Mooi & Anor [1987] 2 MLJ 693 SC (dirujuk)*  
*Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor [1997] 4 CLJ 509 SC (dibezakan)*
- B** *Simirah v. Chua Hock Lee & Anor [1963] MLJ 239 (dirujuk)*  
*Yuill v. Yuill [1945] P15 CA (dibezakan)*  
*Young v. Rank [1950] 2 All ER 166 (dirujuk)*
- Bagi pihak perayu/plaintif - LK Chow (Josephine Ng bersamanya)*  
*Bagi pihak responden/defendan 1 - HK Ong*
- C** *Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

### PENGHAKIMAN

- D Mariana Yahya PK:**
- Mahkamah**
- E** [1] Perayu merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bertarikh 18 Oktober 2004 yang memutuskan atas imbalan kebarangkalian telah menolak tuntutan perayu dengan kos selepas responden mengemukakan penghujahan tiada kes untuk dijawab di akhir kes plaintif.
- F** [2] Asas tuntutan perayu bahawa responden pertama telah dengan cuai membayar kepada responden kedua sejumlah RM87,000 baki harga pembelian mesin Horizontal Paddle Mixer (3 in 1) Discharge Hopper Cum Screw Feeder And Platform (di sebut sebagai mesin tersebut) tanpa memastikan bahawa perayu telah menerima mesin tersebut daripada responden kedua. Fakta yang tidak dipertikaikan bahawa perayu membuat permohonan pinjaman kewangan kepada responden pertama sebagai syarikat kewangan berlesen untuk membiayai pembelian mesin tersebut oleh perayu daripada responden kedua. Pembiayaan pinjaman ini dibuat melalui kaedah sewabeli. Responden pertama di akhir kes perayu telah mengemukakan hujahan tiada kes untuk dijawab atas asas perayu secara undang-undang telah gagal membuktikan kecuaihan responden pertama di dalam melepaskan bayaran kepada responden kedua. Responden tidak pada bila-bila masa menutup kes pembelaannya tanpa mengemukakan keterangan. Hakim Mahkamah Sesyen telah membenarkan responden membuat penghujahan dan telah membuat keputusan berdasar pada keterangan SP1 dan SP2.
- G**
- H**
- I**

[3] Saya akan menyentuh mengenai kesan kepada hujahan tiada kes untuk dijawab yang dibuat oleh responden pertama di akhir kes perayu. Saya merujuk kepada ms 144 rekod rayuan yang memetik daripada catatan nota prosiding mahkamah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen pada 5 Julai 2004 iaitu:

Peguam Defendan: Saya tidak akan memanggil saksi Defendan sebab dapat arahan submission no case to answer.

Mahkamah: Peguam Plaintiff membantah at this stage sebagai Peguam Defendan tidak akan memanggil saksi dan menutup kes. Hujahan dibenarkan.

[4] Mengikut catatan prosiding jelas menunjukkan Hakim Sesyen berkenaan tidak mengemukakan pilihan kepada responden pertama bahawa responden pertama tidak akan mengemukakan sebarang keterangan. Prinsip dan prosidur mengenai 'hujahan tiada kes untuk dijawab' banyak diputuskan di dalam beberapa kes dan merujuk kepada penghakiman YA Hakim Peh Swee Chin di dalam kes *Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor* [1997] 4 CLJ 509 SC di ms 518 yang juga telah merujuk kepada keputusan kes *Simirah v. Chua Hock Lee & Anor* [1963] MLJ 239, CA yang menyatakan;

It will be noticed that in the instant case, the defence counsel did not say that he wished to make a submission of no case to answer for if the defence wished to make it, the trial court would be under an obligation to put to the election of the defence counsel that he would not call any evidence because the same court would not rule on such submission of no case to answer in the absence of such declared election. Otherwise, the court would make its ruling or decision only after hearing the entire evidence and submission of the defence if any.

[5] Di dalam kes di hadapan saya ini, peguam responden pertama telah menyatakan tidak akan memanggil saksi dan terus menyatakan akan berhujah tiada kes untuk dijawab. Mahkamah tidak boleh membuat anggapan bahawa pada peringkat ini responden pertama tidak akan memanggil saksi dan menutup kesnya atau tidak akan mengemukakan sebarang keterangan jika tidak ditanya oleh pihak mahkamah. Hakim Mahkamah Sesyen sepatutnya mengemukakan pilihan kepada peguam responden pertama iaitu jika beliau tidak memanggil sebarang keterangan maka beliau akan kekal berpendirian atau jatuh berdasarkan keterangan beliau. Kaedah prosidur ini merupakan satu keadilan yang penting

- A dan bukannya hanya suatu formaliti (rujuk kes *Jaafar Shaari*). Kaedah ini telah tidak diikuti malah di ms 145 rekod rayuan Hakim Sesyen berkenaan telah membenarkan peguam responden pertama terus membuat hujahan.
- B [6] Kes *Yuill v. Yuill* [1945] P15 CA juga telah dirujuk di dalam kes *Jaafar Shaari* bagi prinsip yang sama di mana jika mahkamah membuat keputusan atas hujahan tersebut tanpa membuat pilihan kepada defendan, defendan masih berhak untuk mengemukakan keterangan seolah-olah dia tidak membuat penghujahan tiada kes
- C untuk dijawab. Sekiranya kes tersebut dibawa ke peringkat Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan tidak bersetuju dengan penemuan atau keputusan mahkamah yang membicarakan, maka Mahkamah Rayuan tidak akan berpeluang memperolehi keseluruhan keterangan kes yang mana defendan berhak untuk mengemukakannya.
- D Di dalam kes *Young v. Rank* [1950] 2 All ER 166, 169 CA Hakim Devlin memutuskan:
- the Appellate Court would be prevented from exercising its power of re-hearing, leaving the Appellate Court with no alternative but to order a retrial.
- E [7] Fakta di dalam kes *Jaafar Shaari* dengan kes perayu ini perlu dibezakan di mana di dalam kes *Jaafar Shaari* pihak defendan tidak dapat mengemukakan saksi defendan kerana berada di luar negara dan seterusnya menutup kes. Maka diputuskan tiada keterangan
- F defendan dan inferen-inferen boleh dibuat di atas ketiadaan keterangan defendan. Anggapan bahawa semua keterangan plaintif yang ada di hadapan mahkamah adalah benar tanpa dicabar. Manakala kes perayu di hadapan saya pula peguam responden pertama tidak akan memanggil saksi dan terus menyatakan berhujah
- G tiada kes untuk dijawab.
- H [8] Saya seterusnya akan menyentuh tentang dapatan dan keputusan yang dibuat oleh Hakim Sesyen atas keterangan SP1 sahaja. Mukasurat 20 rekod rayuan butir-butir kecuaiian responden pertama dinyatakan oleh perayu bahawa responden pertama telah:
- I i) gagal memastikan perayu dibekalkan dengan alat-alat mesin sebelum pembayaran dibuat kepada responden kedua;
- ii) gagal mendapat pengesahan daripada perayu bahawa perayu telah menerima alat-alat mesin tersebut dengan lengkap atau sempurna;

- iii) gagal memastikan perayu telah menandatangani dan menurunkan cop ke atas semua nota hantaran dan inbois sebelum pembayaran dibuat kepada responden kedua. A
- [9]** Mukasurat 203 rekod rayuan juga dirujuk mengenai sebut harga daripada responden kedua kepada perayu iaitu: B
- i) Delivery: 60 days upon receiving of purchase order
- ii) Term of payment: 30% upon receiving of purchase order 60% upon delivery C
- iii) Balance: after commissioning within 14 days.
- [10]** Bayaran pendahuluan 30% iaitu RM30,000 telah dibuat kepada responden kedua. SP1 menyatakan tiada hantaran fizikal (physical delivery) kerana responden kedua akan membeli semua bahan mentah dan memasang siap di premis perayu iaitu di kilang perayu. SP1 tidak dapat mengemukakan pesanan belian kerana tidak berada di dalam simpanan SP1. SP1 akan membayar baki harga belian kepada responden kedua dengan mendapatkan pinjaman pembiayaan daripada institusi kewangan. SP1 telah pergi berjumpa responden pertama dan memohon pinjaman pada akhir March 1997 iaitu selepas membayar deposit kepada responden kedua. D
- [11]** SP1 telah menandatangani P4 iaitu delivery receipt yang dikatakan kosong apabila diminta berbuat demikian oleh pegawai kepada responden pertama iaitu Cik Mazlina. SP1 bersetuju setelah pegawai kepada responden pertama menyatakan bahawa ia satu keperluan bank sebelum meluluskan sebarang pinjaman SP1 beranggapan bahawa responden pertama akan mengikuti terma-terma bayaran seperti di dalam sebut harga yang diberikan kepada responden pertama. Pembayaran tidak dibuat melalui perayu tetapi terus kepada responden kedua. SP1 juga tidak mengetahui bilakah tarikh sebenar bayaran dibuat kepada responden kedua oleh responden pertama. E
- [12]** Selepas 60 hari mesin tersebut tidak dipasang siap di premis dan SP1 telah menghubungi responden pertama dan memberitahu bahawa mesin tersebut belum lagi dipasang siap dan meminta responden pertama tidak lagi membuat bayaran. Namun demikian responden pertama tidak juga memberitahu mengenai perihal bayaran. SP1 kemudiannya mendapat tahu bahawa responden kedua telah menerima bayaran penuh harga mesin tersebut. F
- G
- H
- I

- A** daripada responden pertama berjumlah RM87,000 yang mana responden kedua belum lagi menyiapkan dan menyempurnakan serahan milikan mesin tersebut sepenuhnya kepada perayu. SP1 telah menghubungi pegawai responden pertama iaitu Cik Mazlina dan beliau mengesahkan bayaran telah dibuat sepenuhnya kepada
- B** responden kedua selepas menerima inbois daripada responden kedua. Namun demikian responden pertama hanya fax nota serahan tanpa inbois kepada perayu. Lanjutan dari itu SP1 telah menghantar surat kepada responden pertama bertarikh 16 Julai 1997 menyatakan ketidakpuasan hati SP1 atas bayaran semua
- C** jumlah wang kepada responden kedua tanpa nota hantaran yang dicop dan ditandatangani oleh SP1. SP1 tidak menerima inbois dan nota hantaran daripada responden kedua. Responden pertama juga tidak memaklumkan atau menghantar surat kepada SP1 bahawa bayaran telah dibuat.
- D** [13] Saya merujuk kepada ms 211 rekod rayuan iaitu perjanjian sewabeli di antara perayu dan responden pertama yang ditandatangani pada 3 Julai 1997 tidak menyebut bilakah tarikh bermula dan berakhir bayaran ansuran yang sepatutnya dibuat oleh
- E** perayu. Pada 27 Ogos 1997 responden kedua telah menghantar surat kepada perayu menyatakan mesin tersebut telah diuji oleh juruteknik dan juruletrik dengan memberi komen “good enough and successful commissioning confirmed”. Persoalannya adakah tarikh bayaran dibuat selepas atau sebelum 27 Ogos 1997 kepada
- F** responden kedua oleh responden pertama. Malangnya SP1 menyatakan mesin yang dikatakan “commissioning” bukanlah mesin sebenar tetapi mesin yang dipinjamkan oleh responden kedua dan responden pertama mempunyai pengetahuan mengenai perkara ini. (rujuk rekod rayuan ms 223).
- G** [14] Mengikut perjanjian sewabeli, responden pertama adalah tuannya dan perayu adalah penyewa. Tanggungjawab dan liabiliti kedua-duanya tidak dikemukakan di dalam keterangan. (rujuk ms 218 rekod rayuan). Adalah tidak dinafikan bahawa syarikat
- H** responden pertama merupakan syarikat yang berupaya membiayai atau memberi pinjaman. Namun demikian tiada keterangan menunjukkan fungsi utama responden pertama hanya membiayai pinjaman semata-mata. Obligasi dan hak sebagai pembiaya tidak dibentangkan oleh responden pertama untuk menunjukkan prinsip dan amalan yang diambil bagi melulus dan membayar sesuatu
- I** pinjaman itu. Adakah suatu perkara yang diterima akal bahawa sesuatu pinjaman boleh dilepaskan sesuka hati oleh syarikat yang

membiayai jika perkara yang hendak dibiayai itu tidak berada atau wujud di dalam posesi si peminjam. Membiayai sesuatu pinjaman tanpa memastikan perkara yang dibiayai diperolehi peminjam membolehkan peminjam untuk tidak membayar apatah lagi jika peminjam tidak tahu bilakah bayaran dibuat kerana ia melibatkan pembayaran pinjaman yang dipohon.

A

B

[15] Mahkamah tidak berpeluang untuk menimbang keseluruhan keterangan yang ada tanpa mempunyai sebarang keterangan daripada responden pertama yang mana keterangan tersebut boleh dibuat dan diperolehi di peringkat hakim bicara. Rumusan yang dibuat oleh hakim bicara atas fungsi responden pertama sebagai “financier for loan” sahaja atas keterangan SP1 adalah tidak kukuh tanpa melihat sebarang keterangan sokongan akan tanggungjawab “financier” (responden pertama) itu yang sebenarnya samada di dalam bentuk dokumen atau secara lisan.

C

D

[16] Pada lazimnya, mahkamah yang mendengar rayuan agak keberatan untuk mengganggu rumusan fakta yang dibuat oleh hakim bicara kerana sebagai hakim bicara beliau berpeluang untuk mendengar saksi dan mempunyai kedudukan yang baik dalam menimbang keterangan. Namun demikian, di dalam kes di hadapan saya ini, Hakim Sesyen tidak sepatutnya membuat ‘ruling’ mengenai penghujahan tiada kes untuk dijawab tanpa terlebih dahulu memberi pilihan kepada responden pertama untuk berbuat demikian.

E

F

[17] Hakim Sesyen juga telah khilaf apabila membenarkan hujahan responden pertama atas penghujahan tiada kes untuk dijawab tanpa memberi pilihan samada responden pertama akan mengemukakan keterangan atau tidak. Ianya hanya apabila responden pertama membuat pilihan untuk tidak mengemukakan sebarang keterangan barulah Hakim Sesyen membuat keputusan atas penghujahan responden pertama tersebut samada hujahan itu boleh berdiri dengan sendirinya atau jatuh tanpa keterangan. Oleh itu prosiding di hadapannya adalah cacat yang boleh membawa kemudharatan yang besar kepada perayu.

G

H

[18] Saya mendapati Hakim Sesyen telah mencapai suatu rumusan yang salah atas fakta yang mana mahkamah yang mendengar rayuan perlu mengganggu akan penemuan fakta yang dibuat bagi mengelak berlakunya suatu ketidakadilan. (Rujuk kes *Chung Hwa Ying v. Phang Mun Mooi & Anor* [1987] 2 MLJ 693 SC)

I



- A** [19] Di dalam keadaan ini mahkamah ini dihalang daripada melaksanakan kuasa-kuasa mendengar semula dan tidak mempunyai pilihan bahawa perintah yang dibuat oleh Hakim Sesyen pada 18 Oktober 2004 diketepikan dan memerintahkan kes ini dikembalikan untuk perbicaraan semula di peringkat kes pembelaan. Rayuan perayu dibenarkan dengan kos setakat pada perkara 'hujahan tiada kes untuk dijawab'.

**C**

---

**D**

**E**

**F**

**G**

**H**

**I**